

25 SEP 2002

Parlimen-Saham

MOKHZANI DITAWAR SAHAM SYARIKAT BERDASARKAN SUMBANGANNYA

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Sejumlah 1.22 juta unit saham THB Industries Bhd diluluskan kepada Mokhzani Mahathir pada 1997 berdasarkan cadangan syarikat itu kerana kaitan dan sumbangan anak perdana menteri itu kepada perniagaan syarikat, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Dalam satu jawapan bertulis, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga menjelaskan bahawa pada 1995, sebanyak 53,334 unit saham Talam Corporation Bhd ditawarkan kepada Megat Fairouz Megat Junid, anak bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Katanya pengagihan saham kepada Megat Fairouz disebabkan beliau merupakan anggota Lembaga Pengarah Talam Corporation.

"Berdasarkan rekod kementerian ini, tiada sebarang penjualan telah dilakukan," katanya bagi menjawab soalan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) yang ingin tahu jumlah saham terbitan yang diluluskan kepada Megat Fairouz dan Mokhzani sehingga kini, dan daripada jumlah itu berapa unit yang telah dijual.

Kepada satu lagi soalan wakil yang sama, Rafidah berkata tidak anak mana-mana menteri, timbalan menteri dan menteri besar yang pernah menerima faedah seperti itu sehingga kini.

Bagaimanapun, katanya, terdapat anak bekas menteri yang pernah menerima peruntukan kementerian iaitu Mohamed Nizam Tun Abdul Razak dan Hamidah Tun Abdul Ghafar Baba.

Mohd Nizam, selaku anggota lembaga pengarah OYL Industries Berhad telah menerima 204,450 unit saham syarikat itu pada 1986 manakala Hamidah mengambil alih 400,000 unit saham Kuantan Flour Mills Berhad, pada tahun 2000, yang telah diperuntukkan kepada Ghafar kerana beliau semakin uzur. Ghafar adalah pengerusi Kuantan Flour Mills pada ketika itu.

Rafidah berkata peruntukan saham kepada mereka berdasarkan kelayakan masing-masing dan telah dipertimbangkan berdasarkan kriteria pengagihan saham terbitan khas bumiputera yang diluluskan oleh kerajaan dan tiada kaitan dengan siapa ibu bapa atau keluarga mereka.

"Mereka layak dipertimbangkan asalkan menepati semua kriteria yang telah ditentukan. Peruntukan saham telah dipertimbangkan semata-mata secara objektif berasaskan dasar sedia ada," katanya.

Rafidah menjelaskan bahawa pengagihan saham terbitan khas Bumiputera berdasarkan garis panduan kerajaan ialah 65 peratus kepada institusi amanah, 25 peratus pemegang saham sedia ada yang memohon dan 10 peratus kepada Ahli Lembaga Pengarah Bumiputera syarikat.

Jika masih terdapat banyak baki, garis panduan semasa membenarkan Jawatankuasa Pembahagian Saham-saham Khas menimbangkan permohonan daripada individu yang dicadangkan oleh syarikat atau yang memohon terus.

Pemberian ini berdasarkan kriteria bahawa individu berkenaan dapat menunjukkan bukti penglibatan perniagaan yang sinergi dengan syarikat, mempunyai rekod peribadi dan perniagaan yang baik serta dapat membuktikan kemampuan kewangan untuk melanggan saham-saham yang dipohon.

-- BERNAMA

HS HS MAI